Terma dan syarat
Atas Jemputan Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Kempen Tawaran Eksklusif *Wealth* untuk Peranti Samsung
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Ogos 2026

PERINGATAN: Pelanggan yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah dan terma dan syarat yang terkini (sekiranya ada) yang boleh didapati melalui https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat yang ternyata di sini dan terma dan syarat yang terkini (sekiranya ada), Pelanggan yang Layak adalah dinasihatkan untuk membincang dengan mana-mana wakil Bank yang sah.

1 Definisi

1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya;

"**AmSPB**" merujuk kepada AmBank SIGNATURE Priority Banking.

"Aset Utama Di Bawah Pengurusan atau ABP Utama" adalah merujuk kepada jumlah agregat baki Akaun Utama dalam Deposit dan/atau, Premium/Sumbangan produk Bancassurance/Bancatakaful yang kekal berkuat kuasa, yang dipegang dengan Bank. Untuk definisi terperinci ABP Utama, sila rujuk kepada terma dan syarat khusus bagi AmSPB di ambank.com.my/amspbtnc.

"**Bank**" adalah merujuk kepada AmBank (M) Berhad ("**AmBank")** [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] dan AmBank Islamic Berhad **("AmBank Islamic")** [No. Syarikat: 199401009897 (295576-U)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"*Bancassurance*/Bancatakaful" merujuk kepada pelan *Bancassurance*/Bancatakaful yang diedarkan oleh Bank dan ditanggung oleh AmMetLife / AmMetLife Takaful.

"**Kempen**" adalah merujuk kepada "Atas Jemputan AmSPB Tawaran Eksklusif *Wealth* untuk Peranti Samsung" yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

"**Notis Terdahulu**" bermaksud notis oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan hal ehwal tertentu sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar.

"Pemegang Akaun Utama" bermaksud pelanggan AmSPB yang namanya merupakan Pemegang Akaun Utama dimana akaun telah dibuka dan diselenggara dengan Bank.

"Dana Unit Amanah Patuh Syariah" atau "Unit Amanah Patuh Syariah" merujuk kepada Dana Unit Amanah Patuh Syariah yang diedarkan oleh Bank dalam Kempen ini.

"Dana Unit Amanah Konvensional" merujuk kepada Dana Unit Amanah Konvensional yang diedarkan oleh Bank dalam Kempen ini.

"Produk Berstruktur" merujuk kepada *European Knock-In* dan *Autocallable*.

"Dana Unit Amanah" merujuk kepada satu bentuk pelaburan kolektif yang membenarkan pelabur dengan objektif yang serupa untuk menggabungkan simpanan masing-masing, dan kemudiannya dilaburkan dalam portfolio saham atau aset lain yang diurus oleh pengurus dana profesional, termasuk Dana Unit Amanah Konvensional dan Dana Unit Amanah Patuh Syariah.

Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata tunggal hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan jantina neuter.

Terminologi konvensional digunapakai untuk produk AmBank, manakala terminalogi Islamik digunapakai untuk produk AmBank Islamic.

Terma dan syarat
Atas Jemputan Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Kempen Tawaran Eksklusif *Wealth* untuk Peranti Samsung
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Ogos 2026

Istilah "**Syarikat Bersekutu**" hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang termasuk mana-mana perbadanan yang mana syarikat tersebut memegang tidak kurang daripada dua puluh peratus (20%) tetapi tidak lebih daripada lima puluh peratus (50%) daripada saham dengan hak mengundi atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana terpakai. Istilah "**Syarikat Berkaitan**" hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 yang merangkumi syarikat pemegangan atau sebuah subsidiari atau subsidiari kepada syarikat pemegangan kepada syarikat pertama.

2 Tempoh Kempen

2.1 Kempen akan **bermula pada 1 Ogos 2026 pada 00:00 (MYT) dan berakhir pada 31 Ogos 2026 pada 23:59 (MYT),** termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**") atau apabila Had Hadiah Ganjaran yang dinyatakan di Klausa 5.2 ini telah habis sepenuhnya, yang mana terlebih dahulu, atau pada tempoh lain yang ditentukan oleh Bank dengan Notis Terdahulu.

3 Kelayakan

3.1 Kempen ini adalah terbuka kepada semua ahli baharu/sedia ada AmSPB yang Layak di atas jemputan yang memenuhi semua keperluan Kempen yang ditetapkan dalam Klausa 4.2, tertakluk kepada terma dan syarat di sini ("**Pelanggan yang Layak")**.

3.2 Untuk dianggap sebagai pelanggan AmSPB, terma dan syarat khusus pentadbiran keahlian AmSPB akan terpakai di mana boleh didapati di ambank.com.my/amspbtnc.

3.3 Produk pengurusan "*wealth*" yang layak ("**Produk yang Layak**") di bawah Kempen ini adalah seperti berikut:

a. Dana Unit Amanah Konvensional/Dana Unit Amanah Patuh Syariah (UA/UA Patuh Syariah);
b. Produk Berstruktur; dan
c. Bancassurance/Bancatakaful

3.4 Penyertaan Dana Unit Amanah merujuk kepada semua Dana Unit Amanah Konvensional dan Dana Unit Amanah Patuh Syariah terpilih dengan **minima caj jualan sebanyak 2.00%**. Transaksi hanya akan layak sekiranya caj jualan sebenar yang dikenakan kepada pelanggan adalah tidak kurang daripada 2.00%. Dana Amanah Saham Nasional Berhad Harga Tetap, dana Amanah Saham Nasional Berhad Harga Berubah, pelaburan Skim Persaraan Swasta (SPS) dan mana-mana dana unit amanah tertutup yang dilancarkan semasa Tempoh Kempen adalah dikecualikan.

3.5 Penyertaan Produk Berstruktur merujuk kepada *European Knock-In* dan *Autocallable.*

3.6 Penyertaan *Bancassurance*/Bancatakaful merujuk *kepada pelan* dengan mod pembayaran premium/sumbangan tahunan sahaja kecuali Pelan Premium/Sumbangan Tunggal.

3.7 Untuk mengelakkan keraguan, berkenaan dengan akaun bersama, hanya Pemegang Akaun Utama akan layak menerima Hadiah Ganjaran (takrifkan di sini) di bawah Kempen ini.

Terma dan syarat
Atas Jemputan Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Kempen Tawaran Eksklusif *Wealth* untuk Peranti Samsung
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Ogos 2026

4 Mekanik Kempen

4,1 Untuk menyertai Kempen ini dan layak bagi memenangi Hadiah Ganjaran seperti dinyatakan di Jadual A (**"Hadiah Ganjaran"**), Pelanggan yang Layak dikehendaki memenuhi kriteria seperti berikut:

a. Melabur di mana-mana Produk yang Layak seperti Jadual A semasa Tempoh Kempen**;** dan
b. Isikan dan serahkan Borang Penyertaan Kempen yang ditandatangani sepenuhnya; dan
c. Mengekalkan ABP Utama minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) atau bersamaan pada tamat Tempoh Kempen. Transaksi pelaburan yang dibuat di bawah Kempen ini boleh layak untuk dikira sebagai sebahagian daripada ABP Utama.

JADUAL A

Kategori 1: Dana Unit Amanah Konvensional/Dana Unit Amanah Patuh Syariah

Tahap UA/UA Patuh Syariah (Minima Amaun dalam Ringgit Malaysia)	Hadiah Ganjaran
2,000,000 ke atas	1 x Samsung Galaxy Z Fold8 Ultra 512GB
1,000,000 sehingga 1,999,999	1 x Samsung Galaxy Z Fold8 256GB

Kategori 2: Produk Berstruktur

Tahap Produk Berstruktur (Minima Amaun dalam Ringgit Malaysia)	Hadiah Ganjaran
4,000,000 ke atas	1 x Samsung Galaxy Z Fold8 Ultra 512GB
2,000,000 sehingga 3,999,999	1 x Samsung Galaxy Z Fold8 256GB

Kategori 3: *Bancassurance*/Bancatakaful

Tahap *Bancassurance*/Bancatakaful (Minima Amaun dalam Ringgit Malaysia)	Hadiah Ganjaran
500,000 ke atas	1 x Samsung Galaxy Z Fold8 Ultra 512GB

4.2 Kelayakan untuk Hadiah Ganjaran akan ditentukan berdasarkan nilai agregat transaksi yang berjaya dibuat semasa Tempoh Kempen, seperti yang direkodkan dalam rekod Bank. Pelanggan yang Layak boleh mengagregatkan berbilang transaksi yang berjaya dalam kategori Produk yang Layak yang sama semasa Tempoh Kempen. Transaksi merentasi kategori Produk yang Layak yang berbeza tidak akan diagregatkan untuk tujuan menentukan peringkat Hadiah Ganjaran yang berkenaan.

4.3 Sekiranya Pelanggan yang Layak memenuhi syarat bagi lebih daripada satu peringkat Hadiah Ganjaran semasa Tempoh Kempen, Pelanggan yang Layak hanya akan dipertimbangkan untuk peringkat Hadiah Ganjaran tertinggi yang berkenaan, tertakluk kepada Klausa 5.2 dan ketersediaan Hadiah Ganjaran tersebut.

5 Hadiah Kempen dan Penghantaran

5.1 Hadiah Ganjaran akan dihantar ke alamat surat-menyurat yang dinyatakan oleh Pelanggan yang Layak di dalam Borang Penyertaan Kempen dalam tempoh sembilan puluh (90) hari bekerja dari tarikh Tempoh Kempen tamat.

5.2 Jumlah nilai Hadiah Ganjaran adalah terhad kepada Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Tujuh Ribu (RM257,000) ("**Had Hadiah Ganjaran**") dan Hadiah Ganjaran akan dihadiahkan berdasarkan "**Siapa Cepat Dia Dapat**". Sebaik sahaja Had Hadiah Ganjaran telah habis sepenuhnya, tiada lagi Hadiah Ganjaran akan diberikan di bawah Kempen ini.

Terma dan syarat
Atas Jemputan Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Kempen Tawaran Eksklusif *Wealth* untuk Peranti Samsung
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Ogos 2026

5.3 Tertakhluk kepada Klausa 5.2, setiap Pelanggan yang Layak akan menerima satu (1) Hadiah Ganjaran sahaja di bawah Kempen ini.

5.4 Bank akan mengatur penghantaran Hadiah Ganjaran kepada Pelanggan yang Layak. Jika percubaan penghantaran pertama tidak berjaya, pihak kurier mungkin menghubungi Pelanggan yang Layak untuk mengatur percubaan penghantaran kedua atau pengambilan Hadiah Ganjaran tersebut, tertakluk kepada aturan penghantaran pihak kurier yang berkenaan.

5.5 Sekiranya Pelanggan yang Layak dikehendaki mengambil Hadiah Ganjaran, Pelanggan yang Layak tersebut mesti mengambilnya dari lokasi yang dinyatakan dalam pemberitahuan kurier.

5.6 Bank akan menanggung caj bagi percubaan penghantaran yang pertama sahaja. Sebarang caj penghantaran, perkhidmatan dan/atau caj berkaitan lain yang timbul daripada percubaan penghantaran kedua atau seterusnya yang diminta oleh atau diatur bersama Pelanggan yang Layak hendaklah ditanggung oleh Pelanggan yang Layak.

5.7 Sebarang Hadiah Ganjaran yang tidak dituntut atau tidak diambil dalam tempoh enam (6) minggu dari tarikh percubaan penghantaran pertama akan dilucutkan. Setelah dilucutkan, Pelanggan yang Layak tidak lagi berhak mendapat Hadiah Ganjaran tersebut dan tidak berhak mendapat sebarang penggantian, bayaran, atau pampasan, tanpa mengira sebab kegagalan menuntut atau mengambil Hadiah Ganjaran itu.

5.8 Setelah menerima Hadiah Ganjaran, Pelanggan yang Layak hendaklah memeriksa Hadiah Ganjaran tersebut dan merujuk sebarang perkara berkaitan dengan ketulenan, kerosakan atau kecacatannya secara terus kepada pengilang dan/atau pengedar sahnya dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas penerimaan atau dalam tempoh lain sebagaimana yang dinyatakan di bawah terma dan syarat waranti pengilang yang berkenaan.

5.9 Pihak Bank berhak untuk menggantikan Hadiah Ganjaran dengan ganjaran lain dan Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan melalui Notis Terdahulu menggunakan saluran komunikasi yang digunakan untuk Kempen ini.

5.10 Hadiah Ganjaran tidak boleh dipindah milik kepada orang lain dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau sebarang item lain. Hadiah Ganjaran yang dipaparkan pada bahan promosi dan/atau laman web kempen adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan warna, rupa atau reka bentuk sebenar mungkin berbeza.

5.11 Pihak Bank tidak membuat sebarang perwakilan atau waranti mengenai kualiti atau keadaan Hadiah Ganjaran dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Hadiah Ganjaran yang hilang atau dicuri selepas diserahkan kepada Pelanggan yang Layak. Sebarang tuntutan yang berkaitan dengan kerosakan, kecacatan bahan atau mutu kerja, atau waranti pengilang hendaklah dibuat secara terus oleh Pelanggan yang Layak kepada pengilang dan/atau pengedar sahnya, tertakluk kepada terma dan syarat waranti yang berkenaan.

6 Kehilangan Kelayakan

6.1 Bank berhak untuk membatalkan penyertaan atau tidak membenarkan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya ia mendapati atau menentukan bahawa:

a. Pelanggan yang Layak telah memberikan maklumat yang tidak benar, tidak tepat atau mengelirukan atau telah bertindak secara penipuan, menyalahi undang-undang, salah atau dengan niat jahat berhubung dengan Kempen ini;
b. Pelanggan yang Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di sini;

c. Pelanggan yang Layak tidak lagi memenuhi mana-mana keperluan kelayakan atau kriteria Kempen; atau
d. Bank mempunyai syak wasangka yang munasabah bahawa Pelanggan yang Layak telah melakukan sebarang perbuatan menipu, menyalahi undang-undang atau salah berhubung dengan mana-mana akaun, kemudahan atau produk yang dipegang dengan Bank.

7 Liabiliti

7.1 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan, termasuk sebarang kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, atau sebarang kerugian atau kerosakan secara tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khusus, yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana orang yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini, Hadiah Ganjaran atau pelaksanaan hak dan hak milik Bank di bawah terma dan syarat ini, sama ada timbul daripada kontrak, tort, kecuaian atau sebaliknya, kecuali jika kerugian atau kerosakan tersebut berpunca secara langsung daripada kecuaian melampau, keingkaran sengaja atau penipuan oleh Bank.

8 Umum

8.1 Penyertaan dalam Kempen ini merupakan tanda penerimaan Pelanggan yang Layak terhadap terma dan syarat ini. Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan:
a. terma dan syarat khusus bagi AmSPB, yang boleh didapati di amsignatureprioritytnc.pdf; dan
b. terma dan syarat berkaitan yang mentadbir Terma dan Syarat Am, yang boleh didapati di laman sesawang rasmi Bank di ambank.com.my/eng/terms-and-conditions.

Terma dan syarat ini adalah sebagai tambahan kepada terma dan syarat yang dirujuk di atas. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, terma dan syarat ini akan diguna pakai secara eksklusif berhubung dengan Kempen ini.

8.2 Pelanggan yang Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburan mereka dalam produk berkaitan di bawah Kempen, yang berasingan dari terma dan syarat ini.

8.3 Penafian untuk produk pelaburan:
a. produk pelaburan bukan obligasi, dijamin atau diinsuranskan oleh bank dan tertakluk kepada risiko pelaburan termasuk risiko pasaran, risiko mata wang dan risiko kredit pengeluar dan kemungkinan kehilangan jumlah prinsipal yang dilaburkan. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami dokumen tawaran berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada prospektus atau memorandum maklumat dan helaian sorotan produk sebelum melabur. Pelabur juga harus mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur. Harga unit dan agihan pendapatan, jika ada, mungkin naik atau turun. Prestasi masa lalu tidak menunjukkan prestasi masa hadapan. Pelabur harus mempertimbangkan dengan teliti sama ada mana-mana pelaburan yang bersesuaian untuk mereka, dengan mengambil kira pengalaman sendiri, objektif, sumber kewangan dan keadaan yang berkaitan; dan
b. produk pelaburan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

8.4 Untuk layak menerima Hadiah Ganjaran di bawah kategori *Bancassurance*/Bancatakaful:
a. premium/sumbangan mesti dibayar dalam mod pembayaran tahunan sahaja dan polisi/sijil yang layak mesti kekal berkuat kuasa untuk layak menerima Hadiah Ganjaran;
b. borang cadangan yang lengkap diserahkan kepada pejabat AmMetLife/AmMetLife Takaful selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2026 dan seterusnya diluluskan dan dikeluarkan oleh AmMetLife/AmMetLife Takaful selewat-lewatnya pada 15 September 2026; dan
c. polisi/sijil yang dikeluarkan dan melepasi tempoh bertenang selama lima belas (15) hari kalendar.

8.5 Kempen ini tidak sah dengan mana-mana promosi Bank yang lain. Tiada kadar khas, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.

Terma dan syarat
Atas Jemputan Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Kempen Tawaran Eksklusif *Wealth* untuk Peranti Samsung
Tempoh Kempen: 1 Ogos 2026 sehingga 31 Ogos 2026

8.6 Bank berhak, pada bila-bila masa untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi Notis Terdahulu.

8.7 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberi Notis Terdahulu.

8.8 Sebarang notis dari Bank yang berkaitan dengan Kempen ini mungkin akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my atau dipaparkan di mana-mana cawangan Bank. Sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan pada tarikh pertama yang disiarkan atau dipaparkan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

8.9 Kecuali dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan kekal mengatasi sebarang peruntukan lain dan/atau representasi yang tidak konsisten yang terkandung dalam mana-mana notis, iklan atau bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.

8.10 Rekod dan keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini, termasuk kelayakan, pemenuhan syarat dan penggabungan transaksi, peringkat Hadiah Ganjaran yang berkenaan, peruntukan serta ketersediaan Hadiah Ganjaran, dan pembatalan kelayakan, adalah muktamad dan konklusif, kecuali sekiranya terdapat kesilapan yang nyata.

8.11 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang bagi sebarang kelewatan atau kegagalan dalam melaksanakan kewajipannya di bawah terma dan syarat ini yang berpunca daripada peristiwa Force Majeure. “Force Majeure” merujuk kepada sebarang kejadian dan/atau keadaan yang tidak dijangka yang di luar munasabah Bank, yang mana Bank tidak dapat mencegah, mengelak atau menghapuskan termasuk bencana alam seperti banjir, ribut, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah atau tenggelamnya tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penyekatan, gangguan perindustrian, rusuhan, peperangan, atau sebarang mana-mana acara, keadaan atau keadaan lain yang serupa di mana mungkin diklasifikasikan sebagai Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.

8.12 Semua terma dan syarat Kempen yang ditetapkan di sini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan apa-apa pertikaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar di mahkamah di Malaysia.

8.13 Terma dan syarat versi Bahasa Inggeris juga disediakan.

8.14 Pelanggan yang Layak adalah dinasihati untuk melayari ke laman sesawang korporat Bank melalui http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions untuk terma dan syarat terkini serta maklumat terkini Kempen, jika ada.

8.15 Untuk sebarang bantuan/maklum balas bagi Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan AmBank SIGNATURE Prioriti Banking di 603-2178 6600 atau menghantar e-mel bagi pertanyaan/maklum balas ke customercare@ambankgroup.com.